

Muzium Perang Batu Maung

Rahsia terhebat British

Muzium Perang Pulau Pinang terletak betul-betul di puncak Bukit Batu Maung atau turut dikenali dengan nama Bukit Punjabi.

Sebelum menjejakan kaki memasuki muzium perang ini, mungkin ada segelintir merasakan satu kerja yang sia-sia hanya sekadar ingin mengetahui khazanah tinggalan British satu masa dulu. Anda silap jika terusan berfikirannya demikian.

Berkeluasan lapan hektar menjadikan ia muzium terbesar di Asia Tenggara yang dibina sekitar 1930 dan digunakan sepenuhnya bagi operasi ketenteraan ketika penjajahan British pada Oktober 1939. Puncak bukit ini menjadi kubu British ketika Perang Dunia Kedua.

Selangkah memasuki pekarangan muzium ini, 1001 pengetahuan bakal anda ketahui melalui tinggalan yang dikatakan sudah berusia lebih 70 tahun ini.

Sebagai rakyat Malaysia sendiri, kunjungan ke destinasi pelancongan seperti ini tidak harus dilupakan kerana pengalaman menakjubkan bakal ditemui di sini.

Kubu perang

Muzium ini lain dari yang lain kerana ia dibina di dalam hutan tropika. Setiap pengunjung yang datang melawat ke sini dapat merasai sendiri bagaimana berada di dalam kubu perang dan melihat perbezaan ketika pentadbiran tentera British dan Jepun.

Kubu di sini terbahagi kepada tiga bangunan utama dengan reka bentuk menggunakan teknologi dan kepakaran British pada ketika itu. Ternyata ia menjadi tempat perlindungan yang strategik sekali, semboyan kecemasan juga boleh didengari di sini.

Menurut pengasas dan pemilih Muzium Perang ini, Johari Sahfi, kubu pertahanan British ini akhirnya jatuh ke tangan tentera Jepun dalam satu pertempuran ketika Jepun menyerang Malaya tahun 1941-1942.

Oleh kerana ramai anggota tentera British mati dan cedera, termasuk ada di antaranya orang Melayu menyebabkan dengan mudah tentera Jepun mengambil alih dan menjadikan kubu tersebut sebagai tempat tahanan serta

penyiksaan selama lebih kurang dua tahun setengah sebelum tamatnya Perang Dunia Kedua.

Jika berada di sini, anda sendiri dapat mengetahui dan melihat berbeza cara penjajahan antara pihak British yang lebih menggunakan kubu ini sebagai pusat pengawal Pulau Pinang manakala tentera Jepun pula menyalahgunakan kubu ini sebagai tempat yang penuh dengan kekejaman.

"Kalau pada zaman penjajahan British, jelas sekali kubu ini dijadikan tempat untuk perlindungan dan kawalan keselamatan. Namun bila Jepun mula berkuasa, kubu ini sentiasa bermandikan darah serta terdapat rumah yang dijadikan pusat penyiksaan serta simpanan tahanan yang ingkar," katanya.

Terowong rahsia

Di sini pengunjung berpeluang merasai pengalaman melalui terowong yang merupakan binaan terpenting ketika itu. Terowong ini adalah laluan keselamatan rahsia yang pernah digunakan oleh kedua-dua tentera



● Pandangan dari atas Gun Firing Bay.

penjajah tersebut.

Namun sebelum memasuki terowong ini, pastikan mental dan fizikal anda semua dalam keadaan stabil kerana ia sebuah terowong yang begitu sempit, gelap dan sangat menyeramkan.

Terowong yang boleh menempatkan kira-kira 200 askar dalam satu masa ini sejauh 200 kaki. Untuk melaluinya



memerlukan anda berjalan dalam keadaan membongkok.

Apa yang menarik, pengalaman tidak terhingga pasti diperoleh di sini di mana untuk keluar dari kawasan rahsia ini anda juga terpaksa merangkak dalam terowong batu yang sempit sebelum memanjat 90 darjah tangga besi untuk keluar melalui lubang rahsia. Bayangkan

juga keadaan askar pada ketika itu dalam usaha menyelamatkan diri ketika diserang.

Sementara itu, terdapat juga terowong rahsia lain yang terpaksa ditutup untuk orang ramai atas faktor-faktor keselamatan. Terowong ini menghala ke laut pernah digunakan oleh askar British bagi tujuan meninggalkan tempat tersebut ketika diserang oleh tentera Jepun sekitar 1942.

Tarikan

Walau bagaimanapun, setelah melalui pemuliharaan, pada 14 Oktober 2002, kubu ini telah ditukar wajah sebagai Muzium Perang dan mula dibuka untuk kunjungan orang ramai.

Menurut Johari, kawasan itu sememangnya menyimpan pelbagai rahsia dan sejarah. Tambah menarik walaupun sudah jauh masa berlalu, namun kubu bersejarah ini masih berada dalam keadaan baik dengan kesan peluru serta bom di sana sini.

"Itulah yang membuatkan kita perlu menarik lebih ramai pengunjung ke sini untuk melihat dengan lebih dekat lagi.

"Apa pun apa yang dipamerkan di sini

kebanyakan adalah asli termasuklah jalan-jalannya, keadaan sepi, pokok-pokok serta warna kubu ini adalah yang sebenar," kata Johari.


Kalau anda rajin untuk menjelajah seluruh kawasan ini semakin banyaklah tinggalan yang anda ketahui. Jika perasaan penat menyelubungi, tolak ke tepi dahulu, peluang berada di Muzium Perang ini bukan selalu datang, ia tidak harus disia-siakan.

Di sini anda akan menemui lagi beberapa tinggalan sejarah yang lain seperti lubang seakan-akan perigi sedalam 100 kaki bagi menghantar senjata api dan ubat-ubatan, tempat letaknya meriam dan kawasan kawalan bagi menembak pesawat udara (Gun Firing Bay), pos pemerhati, tempat menjatuhkan hukuman (Mini Killing Field), tempat pancung kepala, tempat penyiksaan, penjara, dapur, klinik, stor penyimpanan barang dan banyak lagi.


Ada juga dipamerkan beberapa gambar tahanan dan tokoh perang ketika penjajahan Jepun. Paling menarik ialah sedikit sebanyak informasi mengenai Perang Dunia Kedua seperti Jeneral Yamashita yang juga dikenali sebagai Harimau Malaya.



● Tempat pemancungan kepala bagi yang bersalah.




● Terowong 100 kaki, tempat hukuman askar yang ingkar dan berpaling tadah.



● Artifak yang sangat berharga.

Sinar harian
08/05/2010




MALAYSIA
Border
Check Point




WAR MUSEUM
GATI RABONG
PERANG
MALAYSIA
ESTD 2002





● Pelbagai artifak tinggalan sejarah ada di sini.



● Pos kawalan udara.



● Lubang keluar daripada terowong keselamatan.



● Bukti kekejaman pihak penjajah terutama tentera Jepun.

Batu Maung

British

- > Bagi pengunjung yang agak keliru untuk menuju ke Muzium Perang ini, anda bolehlah memilih jalan susur menuju ke Bayan Baru melalui Queensbay Mall. Dari sini anda akan melihat papan tanda menunjukkan arah Muzium Perang, Batu Maung.
- > Muzium Perang ini dibuka untuk kunjungan awam bermula jam 9 pagi hingga 11 malam. Bermula dari 7 Februari 2010, muzium ini dibuka untuk kunjungan malam yang mana anda boleh merasai keadaan lebih menyejukkan serta mencabar. Malah akan ada beberapa kejutan menarik.
- > Tip ketika berada di kawasan ini
 - pastikan anda tidak merokok, membuat bising atau membawa haiwan peliharaan.
 - > Untuk memasuki kawasan muzium ini bayaran akan dikenakan. Bagi warganegara Malaysia, RM15 seorang manakala pelancong asing sebanyak RM30 seorang. Namun rombongan sekolah yang sudah membuat tempahan lawatan hanya dikenakan RM5 bagi setiap pelajar.
 - > Pada 14 Oktober 2002 telah dilakukan pra pelancaran oleh Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia ketika itu.